

Tenaga muda teraju cabaran capai kecemerlangan

BH - 13/3/2004
pg. 14

Oleh Kadir Dikoh

PERTARUNGAN bermula hari ini apabila semua parti yang bertanding sama ada Barisan Nasional (BN) atau pembangkang menamakan calon masing-masing dan menghadirkan diri di pusat penamaan calon bagi mendapat tiket untuk merebut 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), kecuali DUN Sarawak.

BN yang merangkumi 14 parti komponen menampilkan banyak muka baru dan begitu juga pembangkang yang terdiri daripada Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP. Sudah pasti calon bebas akan turut bertanding.

Yang lebih menarik ialah penampilan ramai tenaga muda sebagai calon BN khususnya Umno yang menepati ciri-ciri perancangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menerajui Malaysia untuk lebih Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Mereka mewakili pelbagai disiplin daripada tokoh agama, pendidik, peguam, akauntan, doktor, jurutera, pnsyarah hingga pakar motivasi. Sebahagiannya berusia di bawah 40 tahun.

Golongan veteran yang dianggap masih popular dan berkhidmat dengan baik tidak diketepikan manakala penampilan calon yang kali pertama bertanding pula kaya dengan pengalaman masing-masing. Peranan wanita tetap diiktiraf apabila BN menampilkan 10 muka baru manakala Puteri Umno pula diberi empat kerusi - satu permulaan yang memberangsangkan.

Semalam, Abdullah berkata, semua calon yang dipilih mewakili BN pada Pilihan Raya Umum ke-11 ini adalah berwibawa dan berkebolehan serta semuanya sudah ditapis dan diyakini mampu berkhidmat kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi tradisi bagi BN memberi peluang kepada golongan muda sebagai calon supaya mereka mendapat pendedahan mengenai pentadbiran negara memandangkan mereka adalah golongan pelapis yang bakal menerajui negara.

Bertepatan dengan pendekatan bagi merealisasikan Malaysia sebagai negara Islam di samping bagi mematah hujah Pas yang menidakkan usaha kerajaan BN itu, maka calon yang berlatarbelakangkan pendidikan agama, turut diberi tempat terutama di Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Antaranya ialah Timbalan Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Prof Datuk Dr Abdullah Md Zin (Parlimen Besut) yang akan dicabar oleh Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, yang dikatakan terpaksa 'lari' dari kerusi Parlimennya Jerai (dulu Yan) di Kedah setelah kerusi DUN Gurun yang menjadi kubu kuat BN dimasukkan ke Jerai.

Pegawai Tadbir Yayasan Islam Terengganu,



berkelulusan dari Universiti Jordan, Khazan Che Mat, 35, (DUN Batu Rakit) akan mencabar penyandang, Abu Bakar Chik (Pas) manakala bekas Penolong Pesuruhjaya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Mohd Ramli Nuh, 38, (DUN Tepuh) akan berhadapan penyandang kerusi itu dari Pas, Abu Bakar Abdul-

lah. Di Kelantan pula, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Che Min Che Mat bertanding kerusi Parlimen Pasir Puteh berhadapan calon muka baru Pas, Kalthom Othman.

BN Kedah menampilkan pnsyarah Jabatan al-Quran dan Sunnah, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Datuk Dr MASHITAH Ibrahim bagi kerusi Parlimen Baling, berhadapan calon Pas, Taib Azamuddin Md Taib iaitu bekas imam besar Masjid Negara.

Imam Besar Masjid Negara, Datuk Pirdaus Ismail pula dicalonkan di kerusi Parlimen Permatang Pauh di Pulau Pinang dan berhadapan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Namun, kejutan turut berlaku bermula Rabu lalu apabila MIC menggugurkan Timbalan Presidennya, Datuk S Subramaniam daripada bertanding. Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob juga tidak disenaraikan apabila BN Pahang mengumumkan senarai penuh calonnya semalam.

Empat menteri besar yang sebelum ini disebut akan berpindah ke Pusat, kekal bertanding di kerusi DUN, manakala tiga timbalan menteri, seorang setiausaha Parlimen dan timbalan menteri besar serta sejumlah exco digugurkan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim kekal bertanding di Tambun Tulang, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (Selangor) di

Sudah menjadi tradisi bagi BN memberi peluang kepada golongan muda sebagai calon supaya mereka mendapat pendedahan mengenai pentadbiran negara memandangkan mereka adalah golongan pelapis yang bakal menerajui negara

Sungai Panjang, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain (Kedah) di Kubang Rotan dan Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (Perak) di Pengkalan Hulu.

Bagaimanapun, dua menteri besar sah berpindah ke pusat iaitu Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad bertanding di kerusi Parlimen Jempol dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman bertanding kerusi Parlimen Ledang.

Yang digugurkan ialah Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Suleiman Mohamad; Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus; Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Zainal Dahalan serta Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Ithnin.

Tiga menteri iaitu Datuk Amar Leo Moggie; Datuk Mohd Effendi Norwawi dan Tan Sri

Kasitah Gadam serta bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, tiada dalam senarai calon BN.

Orang lama yang dipanggil balik untuk menguatkan BN ialah Datuk Shahrir Samad di Johor, Datuk Radzi Sheikh Ahmad (Perlis), Datuk Abdul Rahman Bakar (Terengganu) dan Datuk Dr Affifuddin Omar (Kedah).

Perubahan yang paling ketara ialah di Terengganu apabila BN menampilkan 60 peratus muka baru iaitu lima untuk kawasan Parlimen dan 15 bagi kerusi DUN, yang menampakkan kesungguhan BN merampas kembali kerajaan negeri daripada genggaman Pas.

Purata umur calon baru di negeri itu ialah 42 tahun dalam usaha menawan hati pengundi sekali gus mengembalikan maruah Umno yang tercalar pada pilihan raya umum lalu. Kombinasi tokoh agama, jurutera, peguam, usahawan, ahli akademik, pendidik dan bekas pegawai tinggi kerajaan, memberi nafas baru yang bakal menggoyahkan Pas.

Di Kelantan, tujuh muka baru dikemukakan untuk kerusi Parlimen dan 28 muka baru bagi kerusi DUN yang menyaksikan bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Ketua Penaja Umno Bahagian Pasir Puteh, Kamarudin Md Nor masing-masing dicalonkan untuk kerusi DUN Kok Lanas dan Semerak.

Ketua Penaja Umno Bahagian Kota Bharu, Datuk Zaid Ibrahim (Kota Bharu); Ketua Penerangan Umno Kelantan, Md Alwi Che Ahmad (Ketereh) selain Datuk Dr Awang Adek

Husin (Bachok). Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed bertanding di kerusi Parlimen Jeli dan DUN Air Lanas.

Seperti dijangka, Datuk Ibrahim Ali akan bertanding sebagai calon bebas bagi kerusi Parlimen.

Satu lagi negeri yang menyaksikan perubahan ketara ialah Selangor dengan mengemukakan 40 peratus atau 33 muka baru iaitu sembilan orang untuk kerusi Parlimen dan 24 bagi kerusi DUN serta mengambil langkah drastik menggugurkan tiga exco - Datuk Sharif Jajang, Datin Norkhaila Jamaluddin dan Datuk Lum Weng Keong.

BN Pulau Pinang mencalonkan 21 muka baru termasuk 16 akan bertanding di kerusi DUN. Umno mempunyai paling ramai muka baru iaitu lapan orang, diikuti lima daripada Gerakan, dua MCA dan seorang dari MIC.

Bagaimanapun, ura-ura pembangkang untuk meletakkan pemimpin kanannya menentang Perdana Menteri di Kepala Batas, tidak menjadi. Sebaliknya muka yang sama iaitu Naib Yang Dipertua Pas Kepala Batas, Abdul Khalid Rasid dicalonkan. Pada pilihan raya umum lalu, Abdullah menewaskan Khalid, 49, yang juga pendakwah bebas dengan majoriti besar 11,175 undi.

Pilihan raya kali ini juga menyaksikan beberapa pemimpin Pusat bertanding buat pertama kali. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin bertanding di Parlimen Parit Buntar, berhadapan penyandangannya, Naib Presiden Pas, Datuk Dr Hassan Ali.

Kerusi baru Putrajaya ditandingi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang akan dicabar oleh Timbalan Presiden Keadilan, Abdul Rahman Othman.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin pula bertanding di Parlimen Shah Alam dan dicabar adik bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Samad iaitu Khalid Samad daripada Pas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, akhirnya diberikan kerusi Taiping dan akan berhadapan calon Keadilan, Anna Dorai manakala bekas Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin bertanding di Merbok menentang calon Keadilan, Saiful Izham Ramli, peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim.

BN juga menampilkan semula bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad yang akan bertanding di kerusi lamanya, Parlimen Kangar berhadapan muka baru Pas, Ishar Saad. Dr Affifuddin pula bertanding, kali ini untuk kerusi DUN Kuala Nerang bagi mencabar penyandangannya, Munir @ Yusoff Zakaria (Pas).